



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 7 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AGROBANK DIKTIRAF PAYNET BUAT KALI KETIGA, BISNES, HM -41	AGROBANK
2. 3.	BEKALAN PERTANIAN, HASIL LAUT DI JOHOR MENCUKUPI, LOKAL, HM -33 JOHOR SIMPAN STOK MAKANAN HADAPI BANJIR, NEGERI, SH -28	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4. 5.	5,262 PESAWAH PULAU PINANG BAKAL TERIMA RM500 BULAN INI, NEGERI, SH -28 SARANG KELULUT BANTU JANA PENDAPATAN SELEPAS PENCEN, LOKAL, HM -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Agrobank diiktiraf PayNet buat kali ketiga

Kuala Lumpur: Agrobank menerima pengiktirafan selepas diumumkan sebagai penerima tempat pertama bagi Anugerah Penilaian Pematuhan Kendiri Terbaik oleh Payment Network Malaysia (PayNet) di bawah Kategori Bank Kecil bagi tahun 2021.

Agrobank menerima Anugerah Penilaian Pematuhan Kendiri Terbaik untuk tiga tahun berturut-turut dari 2019 hingga 2021.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya berbesar hati di atas pengiktirafan buat tahun ketiga berturut-turut ini.

“Anugerah ini membuktikan kecekapan kami dalam mengamalkan ‘budaya pematuhan’ di tempat kerja bagi memastikan kemampuan operasi, ketepatan Pe-

lan Kesyntambungan Perniagaan (BCP) dan pematuhan yang kukuh.

“Ini menjadikan Agrobank sentiasa bertanggungjawab dalam pematuhan bank sejajar dengan undang-undang, peraturan, garis panduan dan spesifikasi yang berkaitan dengan perniagaan,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, garis panduan bagi Penilaian Pematuhan untuk Penyertaan Peraturan dan Prosedur Operasi untuk perkhidmatan PayNet mula diperkenalkan pada 2013.

“Setiap tahun, Jabatan Pematuhan Kawal Selia Agrobank akan menjalankan penilaian untuk menilai pematuhan Bank terhadap Peraturan Penyertaan dan Prosedur Operasi yang dikeluarkan oleh PayNet,” katanya.

PERSIAPAN HADAPI TENGGUJUH

Bekalan pertanian, hasil laut di Johor mencukupi

Johor Bahru: Bekalan pertanian dan hasil laut di Johor cukup untuk hadapi musim tengkujuh.

JamINAN itu diberi kerajaan negeri dan menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri Datuk Zahari Sarip, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah menyediakan inisiatif bagi memastikan bekalan itu mencukupi, termasuk membuat stok bekalan ha-

sil laut.

"Bekalan mencukupi untuk berdepan musim tengkujuh akhir tahun ini, jadi sepatutnya tidak berlaku kenaikan harga barangan.

"Bagi produk perikanan pula, LKIM dan Jabatan Perikanan sediakan stok ikan untuk dikeluarkan pada musim tertentu, termasuklah pada musim tengkujuh.

"Bagi produk pertanian pula, kita sudah adakan kerjasama bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil dan penjualan ke pa-

saran," katanya.

Menurut Zahari, Jabatan Perikanan dalam proses untuk menambah lesen nelayan laut dalam bagi meningkatkan hasil laut untuk disimpan di tempat simpanan seperti di Mersing dan Endau.

"Di Segamat, kita mahu jadikan ia sebagai daerah bagi hasil pertanian.

"Kita mahu menambah lebih banyak kawasan penanaman, pertanian dan penternakan termasuk yang baharu dibina di Kulai dan Desaru," katanya.

Johor simpan stok makanan hadapi banjir



Zahari (berdiri, tengah) menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam Program Kolaborasi antara Syarikat Peneraju serta Pengusaha Tanaman dan Industri Asas Tani di Johor Bahru pada Khamis.

Jamin bekalan makanan cukup, tiada kenaikan harga pada musim tengkujuh

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
JOHOR BAHRU

Kerajaan negeri memberi jaminan bekalan makanan cukup sepanjang musim tengkujuh yang diramalkan pada hujung tahun ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, ini kerana persediaan menghadapi banjir atau dalam apa juga keadaan yang memerlukan sudah dilakukan.

Jelasnya, beberapa inisiatif dilakukan contohnya bagi produk per-

ikanan dan sayuran, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan telah menyediakan stok ikan untuk dikeluarkan pada musim tengkujuh.

"Sementara bagi produk pertanian pula, kita telah mengadakan program kolaboratif yang bertujuan untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil dan juga penjualan ke pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Kolaborasi antara Syarikat Peneraju serta Pengusaha Tanaman dan Industri Asas Tani yang diadakan di sebuah hotel, di sini pada Khamis.

Menurutnya, Jabatan Perikanan juga dalam proses untuk menambah lagi lesen nelayan laut bagi meningkatkan hasil laut bertujuan disimpan di tempat simpanan antaranya di Mersing dan Endau.

"Sementara di Segamat, kita mahu jadikan ia sebagai daerah bagi hasil pertanian, selain menambah lebih banyak lagi kawasan penanam-

an, pertanian dan penternakan termasuk yang baru dibina di Kulai dan Desaru," ujarnya.

Justeru, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Buloh Kasap itu menjangkakan tiada sebarang kenaikan harga barangan keperluan asas melibatkan hasil pertanian dan produk laut menjelang musim tengkujuh.

Mengenai program tersebut, Zahari berkata, seramai 81 peserta terlibat terdiri daripada 19 syarikat peneraju serta 62 pengusaha tanaman dan industri asas tani.

Tambahnya, program itu adalah jalinan kerjasama antara syarikat peneraju serta pengusaha tanaman dan industri asas tani melalui urusan jual beli, hasil produk pertanian dan seterusnya mengadakan perladangan kontrak.

"Pengusaha berperanan selaku pembekal hasil pertanian yang mencukupi dan berkualiti manakala syarikat peneraju sebagai pemborong dan pemasar bagi pasaran tempatan atau eksport," jelasnya.

5,262 pesawah Pulau Pinang bakal terima RM500 bulan ini

GEORGETOWN.- Seramai 5,262 pesawah di Pulau Pinang yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Pulau Pinang akan menerima Bantuan Bayaran Sara Hidup sebanyak RM500 pada bulan ini.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, pembayaran bantuan tersebut akan dilakukan secara *one-off*.

"Pemberian bantuan ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM2.6 juta. Ia akan dimasukkan terus ke akaun bank pesawah yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Pulau Pinang. Konsep pemberian sama seperti pemberian bantuan kepada nelayan sebelum ini.

"Kita berharap dengan pemberian bantuan ini, ia dapat meringankan beban yang dihadapi pesawah padi sekali gus dapat memberi rangsangan kepada pesawah untuk mengekalkan Pulau Pinang di dalam senarai teratas pengeluaran padi di Malaysia," katanya ketika sidang akhbar di Pejabat Ketua Menteri, di Komtar pada Khamis.

Ujarnya, pesawah terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan halangan dalam pengeluaran beras untuk keperluan negeri dan negara.

"Antara cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuh adalah cuaca yang

tidak menentu serta peningkatan kos bahan input seperti baja kimia dan agrokimia untuk tanaman.

"Faktor pandemik Covid-19 dan peperangan antara Rusia dan Ukraine turut menjadi penyumbang utama perkara ini," jelasnya.

Tambah Kon Yeow, data perangkaan pengeluaran padi negara tahun 2020 menunjukkan hasil purata padi di Pulau Pinang adalah sebanyak 4,831 matriks tan sehektar.

"Keluasan tanaman padi di Pulau Pinang adalah 2,105.6 hektar dengan bilangan pesawah seramai 5,262 orang.

"Walaupun keluasan ini tidak seluas negeri lain, tetapi data perangkaan pengeluaran padi negara tahun 2020 menunjukkan hasil purata padi di Pulau Pinang adalah sebanyak 4.831 matriks tan sehektar.

"Ini melepasi purata untuk Malaysia iaitu 4,039 matriks tan sehektar. Bagi purata hasil luar musim tahun 2021, Pulau Pinang mencatatkan sebanyak 5,595 matriks tan sehektar, menunjukkan peningkatan hasil padi di negeri ini adalah selari dengan hasrat kerajaan negeri dalam meningkatkan pengeluaran padi di Pulau Pinang," ujarnya.

7/10/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

6

Sarang kelulut bantu jana pendapatan selepas pencen

Kuala Terengganu: "Penerima sarang kelulut itu memang tepat kerana boleh dijadikan sumber pendapatan selain mengisi masa luang kerana sudah bersara," kata Samad Mahmud, 67, dari Kampung Lorong Haji Da, di sini, berkata sebelum ini dia buntu memikirkan nasib keluar-patan tambahan.

"Amat seronok terpilih sebagai penerima bantuan sarang kelulut kerana saya sudah maklum akan potensi penarikan kelulut itu, namun cuma modal untuk membeli sarangnya agak tinggi dan saya tidak mampu," kata Samad berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyerahan sarang lebah ke-

lut Eastern Pacific Industrial Corporation (Epic) Agriculture di Galeri Madu Kelulut Bukit, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengurus Besar Komunikasi Strategik dan Ketua Kumpulan Penyelidik Lebah & Kelulut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Dr Shamsul Bahri Abd Razak.

Peserta lain, Mohamad Faizal Ishak, 35, dari Kampung Gong Pak Maseh berkata, dia berasa bertuah apabila terpilih sebagai penerima bantuan sarang kelulut itu.



ANTARA penerima bantuan sarang kelulut bergambar kenangan selepas tamat program.

"Sebenarnya sudah lama saya ingin membela kelulut, tetapi memandangkan kos sarang dan peralatannya agak mahal menyebabkan menjadi kenyataan, cuma tinggal sekarang saya perlu menjalankan penternakan itu sebaik mungkin," katanya.